

05/10/2001

Tiada pemberhentian pekerja MAS

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan yang kini menguasai Penerbangan Malaysia (MAS), tidak akan mula menyelesaikan masalah yang dihadapi syarikat penerbangan itu dengan mengambil jalan mudah memberhentikan pekerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sebaliknya akan mengkaji bagaimana syarikat itu boleh dipulihkan.

"Setakat yang saya tahu, MAS tidak melihat kepada pemberhentian pekerja. Tetapi kami sedang menyusun semula MAS. Apabila menghadapi masalah, kami tidak bermula dengan memberhentikan pekerja," katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri berasaskan Pengetahuan dan Mapan (AKSI) 2001 di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut menyampaikan ucapan tama dan mengadakan dialog kira-kira sejam dengan ketua eksekutif yang hadir.

Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu melihat bagaimana MAS boleh diuruskan dan jika boleh tidak akan memberhentikan pekerjanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika ditanya sama ada MAS akan melaksanakan pemberhentian kerja sebagai salah satu langkah memulihkan kedudukan kewangan syarikat penerbangan itu.

Kerajaan menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc) Disember lalu membeli semula 29.09 peratus saham MAS daripada Naluri Bhd pada harga RM1.792 bilion.

Selepas selesainya pembelian itu, pengurusan MAS yang diketuai Datuk Md Nor Yusof melaksanakan langkah penyusunan semula syarikat penerbangan itu yang kedudukan kewangannya terjejas teruk ketika krisis kewangan pada 1997.

MAS yang mempunyai hutang kira-kira RM8 bilion dan dana pemegang saham RM2 bilion kini mempunyai kakitangan kira-kira 21,000.

Sementara itu, Md Nor dalam sidang akhbar berasingan berkata, MAS masih lagi menilai pelbagai program untuk menguruskan lebihan dalam kakitangannya.

Beliau berkata, walaupun masih belum diputuskan, syarikat penerbangan itu mungkin terpaksa melaksanakan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) bagi mencapai matlamat untuk berlaku adil kepada kakitangan, pada masa yang sama mengekalkan daya maju syarikat.

Sementara itu, pada persidangan akhbar selepas perasmian persidangan Aksi itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan masih belum membuat keputusan mengenai sebarang langkah untuk menjual anak syarikat dan syarikat sekutu United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM).

"Pada masa ini, kita sedang melihat keseluruhan (kumpulan) UEM, bagi mengenal pasti masalahnya, keperluan menyusun semula bagi menjadikannya berdaya maju.

Kami belum lagi membuat keputusan untuk menjual anak syarikat (dan) syarikat sekutunya kerana perlu mendalami lebih terperinci sebelum membuat keputusan," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan turut merancang menjadikan Renong Bhd, sebuah syarikat persendirian berikutan peletakan jawatan lembaga pengarahnya termasuk Tan Sri Halim Saad.

(END)